

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]
TARIKH : 25.5.2016
SOALAN :

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah tempat yang boleh diisi oleh pelajar-pelajar lepasan PT3 untuk kemasukan ke Kolej Vokasional di seluruh negara; dan
- (b) apakah kelebihan pelajar-pelajar memilih Kolej Vokasional dan sejauh manakah pengiktirafan sijil dan diploma dari Kolej Vokasional.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Seramai 16,321 orang pelajar lepasan PT3 telah mendaftar masuk bagi mengisi tempat yang ditawarkan di Kolej Vokasional di seluruh negara.
- (b) Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) yang dilaksanakan oleh KPM mulai tahun 2012 memberi fokus terhadap komponen kebolehkerjaan graduan yang menghasilkan modal insan yang mempunyai ciri-ciri berikut:-
 - i. Kebolehkerjaan
 - ii. Usahawan berdaya saing
 - iii. Berjati diri
 - iv. Pekerja mahir bertauliah dan berwatak professional
 - v. Pembelajaran sepanjang hayat

Program ini merangkumi pelbagai bidang pengajian seperti kejuruteraan, hospitaliti dan pertanian. Pelajar juga akan mengikuti latihan industri atau *on-the-job training* (OJT) selama 4 bulan. Kerangka program ini memberi

penekanan khusus sebanyak 70 peratus pendidikan vokasional atau modul-modul kemahiran dan 30 peratus untuk akademik. Walaupun pelajar Kolej Vokasional tidak menduduki peperiksaan SPM, pelajar masih lagi mengikuti pembelajaran dalam komponen akademik yang merangkumi mata pelajaran teras seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Pendidikan Islam/Moral di peringkat pra diploma.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM melalui Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) telah diluluskan Pentauliah Induk oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) pada 28 Oktober 2015 yang membolehkannya menawarkan program-program persijilan kemahiran Malaysia di pusat bertauliah cawangan (Kolej Vokasional) bawah kawalannya.

Sebanyak 16 program rintis telah diluluskan pentauliahannya dan 15 buah Kolej Vokasional Rintis telah diluluskan sebagai Pusat Bertauliah Cawangan. Program KV juga sedang melaksanakan pemantapan dan penambahbaikan untuk mendapat pengiktirafan MQA. KPM ingin memaklumkan bahawa program DVM yang ditawarkan oleh 15 Kolej Vokasional Rintis telah mendapat perakuan akreditasi melaksanakan program DVM oleh MQA. Lulusan DVM boleh melanjutkan pelajaran selepas tamat belajar sekiranya memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Kesemua pelajar kohort pertama 15 KV Rintis ini sedang menjalani *on-the-job training* (OJT) di industri. Program DVM ini sedang melalui proses akreditasi MQA. Syarat penganugerahan akreditasi perlu mematuhi penetapan Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM).

Graduan Kolej Vokasional akan dianugerahkan dengan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) di samping persijilan kemahiran Malaysia tahap tertinggi yang dilalui. Persijilan kemahiran yang ditawarkan adalah Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) hingga ke tahap 4. Oleh itu, pelajar berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi iaitu Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) tahap 5 di institusi tinggi latihan kemahiran (ILK) awam dan swasta. Mereka juga boleh meneruskan pengajian dalam bidang

kemahiran yang lebih tinggi seperti persijilan kemahiran antarabangsa, sebagai contoh *The Welding Institute (TWI)* iaitu persijilan dalam bidang kimpalan.

Melalui penyetaraan SVM dengan tiga (3) kredit SPM, untuk tujuan melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/S) bagi graduan KV akan menjadi semakin luas. Graduan yang tidak layak mendapat penyetaraan tersebut masih boleh menggunakan laluan alternatif iaitu dengan melanjutkan pengajian melalui APEL (*Accreditation Prior Experiential Learning*) dengan menggunakan pengalaman bekerja di industri selama 2 tahun. Pelajar akan berpeluang untuk memohon kemasukan ke IPT melalui laluan tersebut